

Pasar awam bersih keutamaan MPAG

Norafiqah Jamal

TABOH NANING - Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) komited mahu memastikan pasar awam di kawasan pentadbirannya kekal bersih, sejajar dengan hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Justeru, Kempen Pasar Awam Bersih Peringkat MPAG telah dilancarkan bermula April hingga Julai tahun ini bagi memberi kesedaran pentingnya penjagaan kebersihan persekitaran pasar awam.

Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri YB Datuk Zulkiflee Mohd Zin berkata, antara objektif utama kempen tersebut adalah meningkatkan tahap kecekapan di dalam pengurusan program kebersihan pasar awam.

Selain itu, jelas beliau, ia juga bertujuan meningkatkan tahap komitmen MPAG dan peniaga dalam menjaga kebersihan dan keselamatan pasar awam serta mempromosikan kepentingan kebersihan pasar awam bagi meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat.

"Pada masa sama, kempen ini juga dapat membantu dalam aspek baik pulih kerosakan kecil pasar awam, selain meningkatkan lagi kecekapan pengurusan sisa pepejal.

"Diharap, kempen ini dapat meningkatkan lagi tahap kebersihan dan gred pasar awam, di sam-



ping melindungi kesihatan orang awam dari penyakit-penyakit bawaan makanan seperti Kolera, Tifoid, Disenteri dan Hepatitis A," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penutup Kempen Pasar Awam Bersih Peringkat MPAG 2024 di Pasar Awam Simpang Empat, 28 Julai lalu.

Hadir sama, Yang Dipertua MPAG TPr. Saifuddin Abdul Karim; Ketua WHIP Clr Ghafar Ngah dan Ahli-ahli Majlis MPAG; Setiausaha MPAG Puan Radzyna Mahat dan Ketua-ketua jabatan MPAG.

Program tersebut melibatkan semua peniaga Pasar Awam Simpang Empat dan turut disertai Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Alor Gajah; Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), SWM Environment Sdn Bhd; peniaga dan pengunjung Pasar Awam.

Zulkiflee menzahirkan harapan agar kebersihan pasar awam menjadi tanggungjawab bersama peniaga dan komuniti pada masa akan datang.

"Peniaga Pasar hendaklah me-



ZULKIFLEE bersama TPr. Saifuddin dan kenamaan bergambar di Pusat Inovasi Inisiatif dan Mesra Alam bagi Program Pengkomposan Sisa Organik dan Kitar Semula yang diperkenalkan di Pasar Awam Simpang Empat. Foto MPAG

matuhi syarat-syarat lesen dan perjanjian sewaan premis Majlis ini. Saya juga berharap selepas kempen ini, program kebersihan pasar awam secara gotong-royong ini dapat dijalankan secara berterusan

di seluruh pasar awam dengan sokongan padu daripada masyarakat setempat," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, MPAG turut memperkenalkan Pusat Inovasi Inisiatif

dan Mesra Alam bagi Program Pengkomposan Sisa Organik dan Kitar Semula di Pasar Awam Simpang Empat bertujuan mengurangkan kuantiti sampah di pasar awam.